

1976

BATU PAHAT, 8 FEB. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENDEDAHKAN KEGIATAN SETENGAH-SETENGAH PIHAK MELAHUNAKAN BANTUAN BUKU TEKS KERAJAAN DAN MENJUALKANNYA DI KEDAI-KEDAI BUKU.

KERAJAAN MEMANDANG BERAT KEGIATAN ITU DAN SEDANG MENJALANKAN SIASATAN RAPI.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN SERI

MERLONG DI RENGIT DEKAT SINI, BELIAU BERKATA PENYELEWENGAN ITU BUKAN SAJA MERUGIKAN KERAJAAN MALAH MURID-MURID YANG SEPATUTNYA MENERIMA BANTUAN TERSEBUT.

PENYELEWENGAN ITU DIKETAHUI APABILA SEJUMLAH BUKU DARI SEKIM PINJAMAN BUKU TEKS DIJUMPAI DI BEBERAPA BUAH KEDAI BUKU.

+DI BUKU-BUKU ITU KELIHATAN COP SEKOLAH SERTA ANGKA GILIRAN BUKU-BUKU ITU, + KATANYA.

PERKARA ITU, MENURUTNYA, DIKETAHUI APABILA IBUBAPA YANG TIDAK MENDAPAT BANTUAN TELAH MEMBELI BUKU-BUKU TERSEBUT DARI KEDAI-KEDAI BUKU PERSENDIRIAN. -- BERSAMBUNG 1148/YF

512
MAHATHIR-BUKU 2 BATU PAHAT

DR. MAHATHIR MEMUJI IBUBAPA YANG BERKENAAN KERANA TELAH MEMBAWA PERKARA ITU KE PENGETAHUAN KEMENTERIAN.

BELIAU MENASIHATKAN IBUBAPA MENGAMBIL BERAT ATAS BANTUAN ITU DAN MENJAGA BUKU-BUKU TERSEBUT DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

+JIKA INI DIPASTIKAN, BUKU-BUKU INI AKAN DAPAT DIPERTURUNKAN KEPADA KANAK-KANAK DI DARJAH-DARJAH BAWAHAN DARI SETAHUN KE SETAHUN.

+KITA JANGANLAH MENGANGGAP SESUATU PEMBERIAN PERCUMA ITU TIDAK BERHARGA SEPATUTNYA KITA MESTI BERSYUKUR MENDAPAT SEKIM PINJAMAN ITU KERANA MENGURANGKAN BEBANAN IBUBAPA SERTA MENJAMIN SETIAP MURID MENDAPAT BUKU TEKS, + TEGASNYA. -- BERNAMA 1152/YF

529:
MAHATHIR-BUKU 3 BATU PAHAT (SAMBUNGAN BERITA 512)

TENGGAHARI INI, DR. MAHATHIR MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG BAHRU, SENGGARANG BERHARGA \$180,000.

BELIAU MENASIHATKAN IBUBAPA JANGAN TERLALU MEMILIH SEKOLAH UNTUK MENGHANTAR ANAK-ANAK KE DARJAH SATU.

SIKAP INI, JIKA DIBIARKAN BERTERUSAN AKAN MERUMITKAN TUGAS-TUGAS JABATAN PELAJARAN NEGERI DAN BOLEH MENIMBULKAN KEADAAN TIDAK DIINGINI.

SIKAP MEMILIH INI TIMBUL KERANA PARA IBUBAPA MENTAFSIRKAN "ADA SEKOLAH YANG DIKATAKAN BAIK DAN ADA SEKOLAH YANG TIDAK BAIK".

INI MENYEBABKAN KEMENTERIAN PELAJARAN DAN JABATAN PELAJARAN NEGERI MENGHADAPI KESUKARAN MENEMPATKAN MURID-MURID. --BERSAMBUNG 1157/LK

530:
MAHATHIR-BUKU 4 BATU PAHAT

JIKA SIKAP MEMILIH INI BERTERUSAN "KITA AKAN MENGHADAPI BEBERAPA SEKOLAH DI DALAM SESEBUAH DAERAH ITU YANG SUDAH BESAR MENJADI SEMAKIN BESAR HINGGA KEADAANNYA TIDAK TERKAWAL.

MENAKALA SEKOLAH-SEKOLAH KECIL YANG DIANGGAP TIDAK BAIK OLEH IBUBAPA PULA AKAN MENJADI BERTAMBAH KECIL DAN AKHIRNYA TERPAKSA DITUTUP.

APABILA INI BERLAKU AKAN TIMBUL MASAALAH PENEMPATAN GURU-GURU TERUTAMA GURU BESAR DAN MASALAH YANG LEBIH ANIH IALAH PIHAK IBUBAPA AKAN MEMBANTAH KERAS TINDAKAN MENUTUP SEKOLAH TERSEBUT.

BELIAU BERHARAP IBUBAPA AKAN MEMAHAMI MASALAH ITU DAN BEKERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN MENYELESAIKANNYA DEMI KEPENTINGAN ANAK-ANAK. --BERNAMA 1139/LK

45